

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK
[LUBOK ANTU]
TARIKH : 10.6.2014
NO. SOALAN :

Tuan William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setakat mana tindakan diambil oleh pihak Kerajaan benar-benar serius untuk menyelesaikan kekurangan guru-guru untuk mengajar di luar bandar di seluruh negeri Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat serius dalam menangani masalah kekurangan guru terutama di kawasan luar bandar. Arahan penempatan guru kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) telah dengan jelas meminta pihak JPN mengutamakan penempatan di sekolah-sekolah band 7,6 dan 5 serta sekolah luar bandar.

Dalam tahun 2014, seramai 1565 orang guru telah ditempatkan ke negeri Sarawak untuk mengisi keperluan guru yang ada. Walau bagaimanapun, Setakat 26 Mei 2014, Negeri Sarawak masih kekurangan 290 guru secara keseluruhan yang merangkumi jawatan Luar Norma dan Dalam Norma. Kekosongan ini dijangka dapat diisi semasa penempatan guru yang akan datang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT]

TARIKH : 10.06.2014 (SELASA)

DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sama ada Kerajaan ada membuat kajian ke atas kawasan dan jumlah penduduk yang benar-benar memerlukan subsidi pengangkutan di bawah program pelarasan harga barang keperluan untuk kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sememangnya mengkaji dari semasa ke semasa bagi kawasan dan jumlah penduduk yang benar-benar memerlukan subsidi pengangkutan di bawah program pelarasan harga barang keperluan untuk kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah. Di bawah Program Penyeragaman Harga, Kerajaan menanggung kos pengangkutan untuk

membawa barangan keperluan asas bersubsidi ke kawasan luar bandar dan pedalaman bagi membolehkan rakyat di sana menikmati barangan tersebut pada harga subsidi atau sama dengan penduduk kawasan lain. Program Penyeragaman Harga ini merangkumi barangan keperluan asas bersubsidi seperti Beras ST15%, Tepung Gandum, Minyak Masak, Gula Pasir, Gas LPG, Petrol RON 95 dan Diesel.

Pemilihan kawasan tersebut adalah berdasarkan matlamat program tersebut bagi menjamin subsidi diedarkan kepada penduduk di kawasan pedalaman terutama di Sabah dan Sarawak agar matlamat untuk meringankan kos hidup rakyat dapat tercapai. Pemilihan kawasan projek yang dilaksanakan ini adalah berdasarkan kriteria berikut;

- i) Kawasan yang dipilih bagi pelaksanaan projek adalah berdasarkan kedudukan harga runcit barang bersubsidi di tempat berkenaan melebihi 15% daripada harga kawalan kerajaan;
- ii) Kesukaran penduduk tempatan mendapatkan barang keperluan disebabkan oleh keadaan muka bumi dan kos pengangkutan yang tinggi, menyebabkan harga barang keperluan menjadi mahal; dan
- iii) Bagi pemilihan lokasi program *Community Drumming*, kawasan projek hendaklah dikawasan pedalaman dan luar Bandar yang mempunyai jarak lebih daripada 15 km dari stesen minyak terdekat dengan mengambil kira faktor kesukaran perjalanan.

NO. SOALAN: 107

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 10 JUN 2014

RUJUKAN : 6828

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes jenayah yang ada kaitan dengan pengguna cermin gelap kenderaan persendirian sepanjang tahun 2012-2013.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak PDRM tidak mempunyai data lengkap berkaitan kes jenayah yang ada kaitan dengan penggunaan cermin gelap memandangkan kesalahan penggunaan cermin gelap tidak dikategorikan dalam modul siasatan pihak polis. Kesalahan menggunakan cermin gelap diletakan di bawah Kaedah 5, Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (larangan mengenai jenis-jenis kaca tertentu) 1991. Penggunaan cermin gelap boleh memberikan kesan negatif terhadap keselamatan awam kerana kaedaan cermin gelap akan menggurangkan kejelasan penglihatan kepada pemandu dan penumpang yang berada di dalam kereta berkenaan. Kaedaan ini memberi ruang kepada penjenayah menggunakan cermin gelap dalam melakukan jenayah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

**TARIKH JAWAPAN : 10 JUN 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kejayaan program-program teknologi hijau termasuklah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau, Perbandaran Hijau dan program MyHIJAU yang telah dilaksanakan di negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan menerusi Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah dan sedang melaksanakan beberapa program di seluruh negara termasuk di negeri Sabah bagi meningkatkan sumbangan teknologi hijau dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara. Antara program-program yang dijalankan adalah:

Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (Green Technology Financing Scheme)

2. Kerajaan telah melancarkan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau dengan dana berjumlah RM3.5 bilion bagi menggalakkan dan meningkatkan penglibatan syarikat tempatan melabur dalam bidang teknologi hijau. Skim pinjaman mudah ini menyediakan insentif kepada syarikat pengeluar dan pengguna teknologi hijau dengan Kerajaan menanggung 2% kadar faedah yang dikenakan oleh pihak bank dan memberikan jaminan sebanyak 60% daripada jumlah pinjaman. Sehingga 28 Mei 2014, sebanyak 135 projek telah mendapat faedah

daripada skim ini dengan jumlah tawaran pembiayaan sebanyak 1.89 billion. Bagi Negeri Sabah khususnya, sebanyak lapan (8) projek telah mendapat manfaat dengan jumlah kos projek diluluskan sebanyak RM127.5 juta.

Perbandaran Hijau

3. *Low Carbon Cities Framework & Assessment System (LCCF)* telah dibangunkan untuk membantu di dalam pembangunan perbandaran dan hartanah rendah karbon dan penggunaan elemen teknologi hijau. LCCF menyediakan panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemaju dan perancang bandar dalam mengadaptasi elemen/kriteria perbandaran rendah karbon. Inisiatif awal dalam menggalakkan dan mempromosi adaptasi konsep perbandaran rendah karbon di negeri Sabah telah dimulakan yang mana Rumah Panjang Rungus di Kota Kinabalu, telah diberikan pengiktirafan sebagai rumah panjang bercirikan hijau berdasarkan kriteria kecekapan tenaga dan pengurusan air di bawah elemen bangunan LCCF. Pihak-pihak PBT di Sabah juga adalah digalakkan untuk mengaplikasikan LCCF ini dalam pembangunan kawasan masing-masing.

Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Peringkat Negeri

4. Penubuhan Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) pada tahun 2009 bertujuan untuk menetapkan hala tuju pembangunan teknologi hijau negara dan menyelaraskan isu-isu berkaitan teknologi hijau di antara pihak Kementerian, agensi, pihak swasta dan pihak berkepentingan utama di peringkat nasional. Bagi meningkatkan lagi promosi dan aplikasi penggunaan teknologi hijau khususnya di peringkat negeri Sabah, sebuah Jawatankuasa Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Peringkat Negeri Sabah yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) telah ditubuhkan bagi menyelaraskan program serta isu berkaitan teknologi hijau dan perubahan iklim di negeri tersebut.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Program MyHIJAU

5. Satu program bersepadu bagi meningkatkan dan membangunkan produk dan perkhidmatan hijau di Malaysia dikenali sebagai Program MyHIJAU telah diperkenalkan pada tahun 2012. Program ini bertujuan menyelaraskan dan menyeragamkan semua inisiatif pembangunan produk

dan perkhidmatan hijau di Malaysia khususnya membangunkan keupayaan dan kemahiran pihak industri dan usahawan tempatan dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan hijau yang berdaya saing.

6. Berdasarkan konsep pengeluaran dan penggunaan mampan, program ini diharapkan dapat mengurangkan kos pengeluaran produk dan perkhidmatan serta meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pengguna dan pengeluar tentang produk dan perkhidmatan mesra alam. Buat masa ini, program ini telah berjaya menarik penyertaan dua (2) buah syarikat daripada negeri Sabah dan produk yang dihasilkan telah disenaraikan dalam Direktori MyHIJAU.

Program Promosi Teknologi Hijau

7. Pihak Kementerian telah melaksanakan pelbagai program promosi teknologi hijau untuk meningkatkan tahap kesedaran rakyat di seluruh negara termasuk penganjuran beberapa program di negeri Sabah seperti seminar YaHijau kepada pihak industri di negeri Sabah dan program-program jangkauan masyarakat yang dianjurkan oleh Yayasan Hijau Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]
TARIKH : 10 JUN 2014
SOALAN :

YB Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini jangkitan kes MERS-CoV di negara ini dan jangkaan Kementerian mengenai jangkamasa MERS-CoV tersebut berada dalam mitigasi (*in mitigation*) seperti H1N1.

Tuan Yang di-Pertua,

Kemunculan *Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus* (MERS-CoV) adalah merupakan kejadian kecemasan kesihatan awam yang kritikal, bukan hanya bagi negara-negara yang terlibat tetapi juga terhadap masyarakat dunia secara keseluruhannya. Pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mula melaporkan mengenainya pada September 2012. Sehingga 14 Mei 2014, sejumlah 571 kes MERS-CoV yang disahkan melalui ujian makmal telah dilaporkan dari seluruh dunia, meliputi 171 kematian.

Bagi Malaysia pula, pada 16 April 2014 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaporkan mengenai satu (1) kes kematian yang disahkan dijangkiti MERS-CoV melibatkan seorang lelaki warga Malaysia berusia 54 tahun, dari Batu Pahat, Johor yang baru pulang ke Malaysia dari mengerjakan umrah di Tanah Suci. Selepas kes tersebut, sehingga kini tiada kes baru MERS-CoV dikesan di Malaysia.

Bermula November 2012, sehingga penghujung Mei 2014, susulan pebagai aktiviti kesiapsiagaan yang telah dilaksanakan di lapangan, pihak KKM telah menerima sejumlah hampir 450 notifikasi kebanyakannya dalam kalangan jemaah haji / umrah dari seluruh negara, yang dikategorikan sebagai kes yang disyaki dijangkiti MERS-CoV. Selain dari kes yang disahkan dijangkiti MERS-CoV dari Batu Pahat tersebut, ke semua kes yang lain telah disahkan sebagai bebas dari jangkitan MERS-CoV melalui ujian makmal yang telah dijalankan.

Berdasarkan pemerhatian setakat ini, keupayaan MERS-CoV untuk menular di dalam komuniti adalah agak terhad (*non-sustained human-to-human transmission*). MERS-CoV dikesan menular secara terhad dari kes yang disahkan dijangkiti kepada individu yang lain melalui kontak rapat, sebagai contohnya semasa memberikan rawatan kepada pesakit tersebut atau tinggal serumah dengan kes terbabit. Penularan jangkitan MERS-CoV didapati tidak berlaku secara berleluasa sebagaimana yang berlaku bagi kejadian jangkitan Pandemik (H1N1) 2009.

Disebabkan sifat penularan jangkitan MERS-CoV yang sedemikian, pendekatan dalam bentuk berfasa, iaitu fasa membendung (*containment*) dan fasa mengurangkan (*mitigation*) jangkitan tidak

digunapakai untuk kali ini. Semasa menghadapi kejadian Pandemik (H1N1) 2009 dahulu, fasa mengurangkan (*mitigation*) digunapakai adalah antaranya bagi tujuan seperti berikut:

- a) Mengurangkan bilangan individu yang dijangkiti secara keseluruhannya;
- b) Mengurangkan penularan jangkitan secara berleluasa di dalam komuniti;
- c) Memastikan mereka yang dijangkiti diberikan rawatan yang sewajarnya; dan
- d) Melindungi golongan yang rentan (*vulnerable*).

Sehubungan itu, pelbagai aktiviti kesiapsiagaan yang dijalankan oleh pihak KKM bagi kejadian jangkitan MERS-CoV pada ketika ini adalah secara prinsipnya untuk memenuhi tujuan yang sama, walaupun terminologi *containment* dan *mitigation* tidak digunakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, punca dan cara jangkitan bagi MERS-CoV masih belum dapat dikenalpasti sepenuhnya. Justeru, tiada kepastian dapat diberikan mengenai corak penularan jangkitan berkenaan, iaitu sama ada ia akan berlaku secara bermusim atau akan terus merebak atau akan berakhir dalam tempoh masa tertentu.

Setakat ini pihak WHO tidak mengeluarkan sebarang larangan lawatan ke negara-negara yang terlibat dan rakyat Malaysia secara berterusan

berkunjung ke Tanah Suci samada bagi mengerjakan ibadah umrah atau haji.

Oleh itu, kesiapsiagaan menghadapi potensi kejadian jangkitan MERS-CoV dan pemantauannya diperkukuhkan secara berterusan di pelbagai peringkat KKM termasuk:

- a) Pengurusan kes yang disyaki dijangkiti MERS-CoV dengan menggunakan tatacara sebagaimana yang digariskan, meliputi proses pelaporan / notifikasi melalui saluran yang telah dikenalpasti dengan kadar segera kepada pihak yang terlibat;
- b) Aktiviti surveilan bagi kes *influenza-like illness* (ILI) dan *severe acute respiratory infection* (sARI) terus diperkukuhkan di semua lokasi sentinel yang berkaitan, termasuk pemantauan berterusan kejadian kluster ILI di dalam komuniti;
- c) Memastikan langkah-langkah pencegahan dan kawalan infeksi yang optimum dijalankan di semua fasiliti kesihatan;
- d) Mengadakan latihan simulasi MERS-CoV untuk menguji tahap kesiapsiagaan dan kesediaan anggota KKM di pelbagai peringkat, serta mengemaskini mekanisma penyelarasan setiap organisasi yang terlibat dalam menghadapi kejadian jangkitan MERS-CoV;
- e) Memperkukuhkan kapasiti makmal untuk menjalankan ujian pengesahan bagi MERS-CoV;
- f) Memastikan stok simpanan alat perlindungan diri (PPE) di setiap negeri adalah mencukupi;

- g) Memperkukuhkan kerjasama dengan pihak Pengamal Perubatan Swasta dalam aktiviti pemantauan bagi kes *influenza-like illness* (ILI) dan kejadian kluster ILI di dalam komuniti;
- h) Mempertingkatkan aktiviti hebahan maklumat kepada pelbagai kumpulan sasaran (seperti pengamal perubatan swasta, bakal jemaah umrah dan haji, agensi pelancongan swasta, Lembaga Tabung Haji Malaysia, Kementerian Luar Negeri dan orang awam) mengenai isu-isu berkaitan status terkini jangkitan MERS-CoV dan aktiviti kesiapsiagaan bagi menghadapi kejadian tersebut;
- i) Menyediakan *Traveller's Hygiene Kit* yang mengandungi mask dan *hand sanitizer* untuk kegunaan para jemaah haji;
- j) Menyarankan agar Lembaga Tabung Haji Malaysia dan agensi pelancongan swasta yang terlibat mempunyai bekalan penutup mulut dan hidung (*mask*) yang mencukupi bagi kegunaan jemaah umrah / haji dan hebahan nasihat kesihatan berkaitan jangkitan MERS-CoV kepada semua jemaah di bawah kendalian mereka;
- k) Galakan kepada mereka yang akan berkunjung ke Arab Saudi untuk mengambil pelalian *influenza* dan *pneumococcal* sebelum berlepas ke Tanah Suci; dan
- l) Peringatan kepada para jemaah umrah atau haji, iaitu sekiranya mendapati diri mereka tidak sihat samada semasa berada di Tanah Suci mahupun dalam tempoh 2 (dua) minggu pertama selepas pulang ke Malaysia, adalah dinasihatkan agar mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan yang berhampiran.

Pihak KKM sentiasa memantau perkembangan terkini kejadian MERS-CoV dan juga status polisi/ tatacara yang dikeluarkan oleh pihak WHO yang berkaitan dengan jangkitan MERS-CoV. Sebagai rujukan dan panduan anggota di lapangan mahupun orang awam, maklumat berkaitan MERS-CoV boleh diperolehi di halaman utama laman web KKM(www.moh.gov.my), iaitu di bawah 'Info Kesihatan'. Sebarang maklumat terkini akan dimuatnaik dari semasa ke semasa.